

CABARAN MENGUKUHKAN DASAR LUAR

Cabaran politik antarabangsa

- (i) Dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh cabaran politik antarabangsa.
- (ii) Malaysia mengamalkan dasar berkecuali apabila menjalinkan hubungan dengan negara lain tanpa mengira ideologi.
- (iii) Dasar berkecuali ini membolehkan Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara China.
- (iv) Pada tahun 1974, Tun Abdul Razak Hussein telah mengadakan lawatan pertama ke negara China, memulakan hubungan diplomatik dengan negara komunis.

Cabaran politik serantau

- (i) Rantau Asia Tenggara berdepan dengan ketidakstabilan berikutan peluasan pengaruh komunis di Indochina.
- (ii) Berikutan pergolakan politik di Indochina, beribu-ribu rakyat Vietnam telah meninggalkan negara mereka.
- (iii) Kebanjiran pendatang asing dari Vietnam di Asia Tenggara turut membawa kesan kepada Malaysia.
- (iv) Pada tahun 1976, Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia bagi membincangkan pergolakan di Indochina serta masa hadapan rantau Asia Tenggara.

Cabaran keselamatan dan pertahanan

- (i) Perjanjian pertahanan antara Malaysia dengan Britain, iaitu Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA) tamat pada tahun 1971.
- (ii) Berikutan itu, Malaysia menandatangani perjanjian pertahanan baharu, iaitu Perjanjian Pertahanan Lima Negara (FPDA) pada 15 - 16 April 1971.
- (iii) FPDA melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.
- (iv) Melalui FPDA, Malaysia akan memperoleh bantuan teknikal dan latihan bersama bagi memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara.
- (v) Malaysia turut bekerjasama dengan negara ASEAN dalam usaha memperkukuh pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara.
- (vi) Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN telah diadakan bagi membincangkan kerjasama ini.
- (vii) Pada tahun 1965, Malaysia menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand untuk menangani isu keselamatan.